



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN PEROLEHAN KOMPUTER RIBA UNTUK KEGUNAAN PEJABAT-PEJABAT PENTADBIRAN MARA

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
22/2020	210101	09/10/2020 Hingga 19/10/2020 ISNIN – KHAMIS 8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang JUMAAT 8.30 pagi – 12.15 t/hari 2.45 petang – 4.30 petang	20/10/2020 10.00 pagi Dewan Sumber Ilmu, Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA, 21 Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur	RM60.00	10/11/2020 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1)** pembekal hanya dibenarkan membeli **satu (1)** dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan **satu (1)** tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 4.30 petang) di alamat seperti di bawah. **Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. **Tawaran dianggap sebagai tidak sah** jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **MARA** semasa menghadiri taklimat tender.

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja** di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>